

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

Visi wanita pertama jadi menteri kesihatan

Putrajaya: Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata beliau terbuka untuk menerima segala nasihat, cadangan serta pertolongan daripada bekas menteri-menteri kesihatan untuk dijadikan rujukan dalam menerajui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menjadi wanita pertama dilantik sebagai Menteri Kesihatan, Dr Zaliha mengakui cabaran terbesarnya ialah meneruskan kecemerlangan KKM, di samping berusaha untuk memperkasakan perkhidmatan kesihatan negara secara amnya.

"Saya terbuka kepada sebarang bantuan dalam bentuk cadangan dan pandangan mengenai perkara yang mungkin menteri sebelum ini lakukan dan pernah melaksanakan sebarang polisi dan sebagainya."

"Tetapi seperti biasa, kita sebagai menteri baharu,



Saya terbuka kepada sebarang bantuan dalam bentuk cadangan dan pandangan mengenai perkara yang mungkin menteri sebelum ini lakukan dan pernah melaksanakan sebarang polisi dan sebagainya"

Dr Zaliha

akan diberikan taklimat oleh KKM sendiri dan melihat apakah polisi-polisi yang mungkin kita boleh terima pakai, perlu diperbaiki atau mungkin nak ditolak," katanya kepada pemberita di KKM di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Zaliha yang tiba di KKM di sini pada jam 8.30 pagi disam-

but Ketua Setiausaha KKM Datuk Harjeet Singh dan anggota pentadbiran serta pengurusan tertinggi Kementerian sebelum melancarkan acara mengimbas kad perakam waktu sebagai simbolik memulakan tugas rasmi.

Di samping itu, Dr Zaliha juga turut menzahirkan perasaan teruja beliau selain menyifatkan pelantikan beliau sebagai usaha mengangkat martabat wanita untuk membuat dasar khususnya dalam bidang kesihatan.

Ahli Parlimen Sekijang yang berpengalaman sebagai doktor di dalam bidang perubatan keluargaberkecualan berkata, beliau juga akan memfokuskan usaha menambah baik dasar serta perkhidmatan kesihatan khususnya bagi golongan wanita serta kanak-kanak di negara ini.

"NGO (pertubuhan bu- kan kerajaan) wanita dan doktor-doktor wanita pun

dah mula menghubungi saya, perkara ini satu cabaran tetapi menyeronokkan buat saya dan akan fikirkan mengenai perkara (dasar dan polisi) berkaitan wanita dan kanak-kanak," katanya.

Pada Sabtu lepas, Dr Zaliha, 58, bersama dua Timbalan Perdana Menteri dan 24 menteri Kabinet lain mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara, di sini.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 lepas, Dr Zaliha yang pertama kali bertanding di Parlimen Sekijang menang dalam saingan empat penjuru dengan majoriti 1,734 undi menewaskan Md Salleheen Mohamad (Umno), Uzzair Ismail (Bersatu), Dr Mohd Zohar (Warisan) dan Mohd Saiful Faizal Bin Abd Halim (Putra).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL



MENTERI Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (kiri) memulakan tugas secara rasmi di Bangunan Kementerian Kesihatan Malaysia, semalam. Turut kelihatan, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Teruja jadi wanita pertama terajui KKM

PUTRAJAYA – Setelah 67 tahun ditubuhkan, Kementerian Kesihatan (KKM) semalam melakar sejarah tersendiri apabila buat julung-julung kalinya menerima menteri dalam kalangan wanita.

Kehadiran Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa tiba di Blok E7, Kompleks F, Presint 1 di sini turut disambut Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

"Perasaan saya tentu gembira sebab jadi wanita pertama dilantik memimpin kementerian ini dan cukup teruja.

"Saya akan memanfaatkan pengalaman ketika di Kemen-

terian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selama 22 bulan sebelum ini yang dekat dengan bidang kesihatan," katanya di sini semalam.

Dr. Zaliha merupakan menteri yang ke-23 menerajui KKM.

Mengulas lanjut, beliau yang pernah menjadi Setiausaha Politik Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail itu melahirkan keyakinan akan dapat membantu negara terutama membabitkan isu kesihatan awam.

Meskipun baru hari pertama berkhidmat, beliau berkata, ramai doktor wanita di seluruh negara sudah menghubunginya mengutarakan pelbagai idea untuk kementerian itu.



DR. ZALIHA (kiri) diiringi Harjeet Singh mengimbas kad perakam waktu di bangunan KKM di Putrajaya semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 17
 RUANGAN : NEGARA!

Pangsapuri di Perai diisytihar lokasi wabak tak terkawal

Penghuni pengotor biak nyamuk aedes

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI — Sebuah blok pangsapuri di Perai di sini kini diisytihar sebagai lokaliti wabak tidak terkawal dan berpotensi untuk menjadi lokasi *hot-spot* atau berbahaya susulan lima kes demam denggi yang direkodkan di situ sejak 6 November lalu.

Ketua Inspektorat Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Mohd. Wazir Khalid berkata, hampir setiap aras pangsapuri setinggi 20 tingkat yang didiami kira-kira 1,000 orang itu dikesan sebagai tempat pembiakan jentik-jentik.

Katanya, antara tempat yang menjadi tempat pembiakan termasuk lopak air di lantai, longkang tidak ditutup dengan sempurna dan kawasan takungan air yang diceroboh atau dibiarkan tanpa pemantauan.

Difahamkan, penghuni terdiri orang tempatan dan warga asing seperti Vietnam, Bangladesh dan Indonesia.

"Sampel jentik-jentik akan dihantar ke makmal untuk dianalisis bagi memastikan jenisnya sama ada *albopictus* atau *Aegypti*."

"Kedua-dua jenis itu boleh



MOHD. WAZIR menunjukkan sampel air yang mengandungi jentik-jentik ketika melakukan Op Vektor di Seberang Perai semalam.

ANTARA jentik-jentik yang ditemui di sebuah pangsapuri di Seberang Perai semalam.

mengakibatkan demam denggi dan JKNPP bimbang jika berlaku peningkatan kes kerana berisiko menyebabkan kematian," katanya ketika ditemui pada Op Vektor di sini semalam.

Menurut Mohd. Wazir, ia

merupakan operasi kali keempat dilakukan di kawasan itu sepanjang tahun ini dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah selain tiga kali pemantauan yang dijalankan oleh unit di bawah seliannya.

Bagaimanapun tambahnya, tiada perubahan yang berlaku dari segi kebersihan di blok pangsapuri berkenaan.

"Kami pernah hendak menganjurkan taklimat dan gotong royong tetapi tidak mendapat sambutan sehingga terpaksa dibatalkan beberapa minggu lalu," katanya.

Ujar Mohd. Wazir, blok pangsapuri itu telah wujud lebih 20 tahun lalu dan pernah tular beberapa tahun lepas kerana terdapat kotoran dan menjijikkan.

"Ia masih seperti itu dan saya harap agar penghuni lebih bekerjasama dalam menangani isu tersebut," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mohd. Wazir berkata, pihaknya akan membawa isu itu kepada pihak pengurusan kerana turut melibatkan beberapa blok lain.

"Pihak pengurusan telah memasang televisyen litar tertutup (CCTV) di beberapa lokasi bagi mengesan individu atau penghuni yang bertindak membuang sampah secara sesuka hati."

"Kita berharap agar kesemua penduduk bekerjasama bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan dan kesihatan di kawasan itu lebih terjamin," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Dr Zaliha sedia terima pandangan

PUTRAJAYA - Dr Zaliha Mustafa mengaku terbuka untuk menerima segala nasihat, cadangan serta pertolongan daripada bekas menteri kesihatan untuk dijadikan rujukan dalam menerajui Kementerian Kesihatan (KKM).



DR ZALIHA

Menjadi wanita pertama dilantik sebagai Menteri Kesihatan, Dr Zaliha mengakui cabaran terbesarnya ialah meneruskan kecemerlangan KKM, di samping berusaha untuk memperkasakan perkhidmatan kesihatan negara secara amnya.

"Saya terbuka kepada sebarang bantuan berbentuk cadangan dan pandangan me-

ngenai perkara yang mungkin menteri sebelum ini lakukan serta pernah melaksanakan polisi dan sebagainya.

"Kita sebagai menteri baharu, akan diberikan taklimat oleh KKM sendiri dan lihat apakah polisi-polisi yang mungkin kita boleh terima pakai,

perlu diperbaiki atau mungkin nak ditolak," katanya kepada pemberita di KKM di sini.

Ahli Parlimen Sekijang yang berpengalaman sebagai doktor perubatan keluarga itu berkata, beliau akan memfokuskan usaha menambah baik dasar serta perkhidmatan kesihatan wanita dan kanak-kanak. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : NEGERI

Flat terkotor diisytihar kawasan berbahaya wabak denggi

Flat Taman Teluk Indah, Perai diberi gelaran flat paling kotor di Pulau Pinang

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI PERAI

Bau busuk, meloyakan dan keadaan persekitaran menjijikkan dengan sampah sarap selain takungan air yang busuk.

Keadaan kotor luar biasa di empat blok rumah pangsa Taman Teluk Indah di sini yang dilihat tidak pernah berubah sejak puluhan tahun lalu.

Diberi gelaran flat paling kotor di Pulau Pinang, empat blok setinggi 20 tingkat itu juga dikategorikan sebagai lokasi wabak apabila mencatatkan enam kes denggi sejak 6 November lalu sehingga Isnin.

Ketika operasi pemantauan khas di lokasi wabak dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Pulau Pinang yang turut disertai petugas media mendapati, beberapa penduduk telah membuang sampah dari tingkat atas tanpa rasa bersalah.

Antara barangan yang dibuang adalah batang jagung, lampin pakai buang, botol air

dan sisa lebihan makanan yang sudah berulat.

Ketua Inspektorat Cawangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor Pulau Pinang, Mohd Wazir Khalid berkata, pemeriksaan di tingkat paling bawah keempat-empat flat tersebut mendapati ia dipenuhi sampah sarap.

Menurutnya, hasil pemeriksaan, selain cacing halus dan tikus, hampir setiap tingkat juga ditemui jentik-jentik di lopak kaki lima dan anak tangga flat.

"Selain di tingkat paling bawah, kita mendapati setiap tingkat ada jentik-jentik. Jentik-jentik ini ditemui dalam lubang iaitu tapak pemegang besi pada tangga. Kesemua pemegang besi di empat blok ini dicuri dan dipercayai telah dijual.

"Apabila ia dikeluarkan, maka lubang tapak besi di anak tangga yang kosong itu mengandungi air bertakung, menyebabkan nyamuk membiak di situ. Keadaan ini akan mengundang jangkitan denggi dalam kalangan lebih 1,000 penduduk di sini," katanya kepada wartawan pada Isnin.

Mohd Wazir berkata, sekiranya kes denggi di kawasan tersebut tidak berkurangan dalam tempoh 30 hari, kawasan tersebut akan diisytiharkan sebagai kawasan berbahaya (*hot spot*).



Mohd Wazir (tengah) memeriksa lopak air di lantai flat dan mendapati ia mengandungi cacing halus.

Sehubungan itu, beliau meminta penduduk di keempat-empat blok tersebut memainkan peranan dalam memastikan kawasan kediaman mereka bersih.

"Kita sebagai pihak berkuasa memang sentiasa menjalankan operasi bersepadu namun apa yang lebih penting adalah sikap tanggungjawab penduduk kerana mereka menetap di sini.

"Termasuk hari ini, ini adalah kali keempat operasi telah dijalankan di sini. Selain itu, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang juga sudah tiga kali membuat pemantauan namun keadaan masih sama. Jadi, apa lagi yang boleh kami lakukan?" soalnya.

Tambah Mohd Wazir, lebih menyedihkan, beberapa pihak bersama Jabatan Kesihatan Pulau Pinang telah menganjurkan program gotong royong di flat tersebut namun terpaksa dibatalkan kerana tiada sambutan penduduk.

"Empat minggu lalu, kita ada menganjurkan sesi taklimat dan program gotong royong namun tiada sambutan daripada penduduk. Ia terpaksa dibatalkan. Kita sebagai pihak berkuasa hanya boleh membantu dari segi teknikal tetapi yang melaksanakan adalah penduduk.

"Difahamkan pihak pengurusan flat ada memasang kamera litar tertutup untuk memantau penduduk yang membuang sampah tetapi gayanya keadaan masih sama. Penduduk di sini 60 peratus adalah warga tempatan manakala bakinya warga asing yang menyewa," katanya.



Pegawai Jabatan Kesihatan Pulau Pinang sedang memeriksa lantai di bahagian bawah flat ketika operasi dijalankan.

Jelas beliau, isu di empat blok tersebut akan dibawa ke pihak pengurusan dan beberapa pihak berwajib untuk diambil tindakan selanjutnya.

"Untuk sementara ini, kita menyebarkan racun menggunakan 'mix blower' untuk menghapuskan larva iaitu jentik-jentik.

"Bagaimanapun, ia hanya bersifat sementara, apa yang lebih penting adalah usaha

dalam untuk memastikan tempat ini bersih tanpa sampah dan air bertakung. Jika masih kotor dan ada air bertakung, jentik-jentik tetap akan ada," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Pulau Pinang telah membelanjakan hampir RM2 juta untuk membersihkan, membaiki lif dan membayar bil utiliti di flat tersebut dalam tempoh 10 tahun yang lalu.



Mohd Wazir (kanan) menunjukkan sampel air mengandungi jentik-jentik yang diambil pada tangga salah satu blok flat tersebut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

'EXCELLENT WORK'

Dr Zaliha open to advice from predecessors

PUTRAJAYA: New Health Minister Dr Zaliha Mustafa yesterday said she is open to advice, suggestions and guidance from former health ministers who can serve as references for her in running the ministry.

As the first woman minister of the ministry, she said her biggest challenge was to continue the ministry's excellent work while strengthening the health sector.

"I am open to suggestions or opinions from former health ministers. But as a new minister, I will get a briefing from the ministry's officials and see which policies we can adopt, improve or reject," she said at the ministry here.



Health Minister Dr Zaliha Mustafa clocking in at the Health Ministry in Putrajaya yesterday. **BERNAMA PIC**

Dr Zaliha arrived at the ministry at 8.30am and was greeted by ministry secretary-general Datuk Harjeet Singh, senior management officials and ministry staff members.

Dr Zaliha expressed enthusi-

asm and described her appointment as a recognition of raising the dignity of women as policy-makers, especially in the field of health.

The Sekijang member of parliament, who has experience as a

family health doctor, said she would focus on improving policies and health services for women and children.

"Women's non-governmental organisations and doctors have called me. This is challenging but

also exciting for me. I will work on issues that affect women and children."

In the 15th General Election, Dr Zaliha, who was contesting for the first time, won in a four-cornered fight. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

We want what is best for the people, says Zaliha

By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Newly-minted Health Minister Dr Zaliha Mustafa will consider all viewpoints, even from her predecessors, Khairy Jamaluddin and Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. "I am very open to any help in terms of their views and proposals on matters which they had previously done and policies which they had come out with."

"But as usual, as with any newly-appointed minister, I will get a briefing from my ministry to see which are the policies that we can utilise, improve on or even reject," she told reporters after clocking in at 8.30am for her first day of work at the Health Ministry in Putrajaya yesterday.

Dr Zaliha, who is also Sekijang MP, said she is fully aware of the importance of her ministry in the eyes of the general public.

"At the end of the day, what we want is the best for the people."

"I am aware that this ministry gets the attention of the public because health is a basic need," said Dr Zaliha.

She said that her previous experience as political secretary to former Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail would help her in her ministerial work.

In a tweet on Saturday, Dr

Dzulkefly, who is also the Kuala Selangor MP, said Khairy had contacted him via WhatsApp to express his disappointment that he (Dr Dzulkefly) was overlooked for the post.

"No qualms not in Cabinet, so long I could help get Health Reform done," he wrote in his post.

Tagging Khairy in his tweet, Dr Dzulkefly said Khairy had messaged him to say he had wanted Dr Dzulkefly back as the health minister.

Dr Dzulkefly said he replied that he was a perpetual optimist.

Khairy then stated his intention of working together with Dr Dzulkefly to help guide the new minister.

"I said, yes!" Dr Dzulkefly said in response.

Asked on how she felt about being the nation's first woman health minister, Dr Zaliha said that she was glad and excited at being given the opportunity to serve, particularly on giving due attention to women and children's issues.

"These are the challenges that I face but that is exciting to me, on the matters which are women and children-related."

"I have already started getting calls from women doctors telling me their concerns," she quipped.

She added that she will also work closely with NGOs to get feedback.



Warm reception: Dr Zaliha greeting members of staff on her first day at work in her ministry in Putrajaya. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star